

Program Pembangunan Kepimpinan Muda di Kolej Kediaman UPM: Matlamat dan Strategi

Sidek Ab Aziz, Khairulmazmi Ahmad, Ariffin Abdu, Ahmad Shukri Mohamad Noor, Othman Jailani, Farinazleen Mohamd Ghazali, Mohamad Azani Alias, B.T. Hang Tuah Baharudin, Mohamad Aris Mohd Moklas, Latifah Sailful Yazan & Daud Ahmad Israf Ali

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(GABUNGAN PENGETUA KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UPM)

ABSTRAK

Kolej Kediaman merupakan salah satu daripada entiti Hal Ehwal Pelajar (HEPA) yang menyediakan kemudahan dan pengurusan penginapan kepada pelajar di kampus. Disamping itu kolej juga merupakan tempat bagi pelajar merencana dan melaksanakan aktiviti pembangunan sahsiah dan kepimpinan. Pengaruh dan perancangan strategik pihak pengurusan dan pentadbiran yang merangkumi staf dan felo memainkan peranan yang penting dalam aspek pembangunan pelajar di kolej kediaman. Kecemerlangan pelajar yang seimbang dalam bidang akademik dan kokurikulum amat dititikberatkan. Kedua-duanya saling lengkap-melengkapi di antara satu dengan yang lain dalam usaha melahirkan graduan yang responsif, proaktif, berkualiti dan berdaya saing. Justeru itu, beberapa aktiviti dan program dirancang dan dilaksanakan untuk memberi peluang para pelajar bagi mengasuh dan menggilap kemahiran insaniah serta memupuk minat pelajar dalam program kepimpinan, kreativiti, sukan dan rekreasi, keusahawanan, kebudayaan, kerohanian, kebajikan dan sebagainya. Pelbagai program pembangunan kepimpinan kepada pemimpin muda telah diatur dan dilaksanakan sebaiknya di kolej-kolej kediaman serta di lokasi luar. Artikel ini ditulis bertujuan untuk berkongsi pengalaman kolej-kolej kediaman UPM dalam aspek pembangunan kepemimpinan pelajar. Matlamat yang digariskan dan strategi yang bersesuaian dalam pembangunan kepemimpinan muda turut dibincangkan.

Kata kunci: Kepimpinan, kecemerlangan siswa, kampus, kolej kediaman

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan suatu proses di mana individu berusaha mempengaruhi pemikiran, sikap dan perlakuan ahli yang dipimpinnnya. Pemimpin berperanan menyediakan arah tuju, menjelaskan apa yang ada di hadapan, memberi kefahaman apakah yang ingin dicapai, sentiasa memberi galakan dan motivasi kepada ahli yang dipimpinnnya. Kepemimpinan yang baik boleh mengukuhkan perpaduan, mengelakkan konflik dan bergerak ke matlamat yang sama. Mereka juga mampu memastikan setiap orang melakukan yang terbaik seolah-olah memberi suatu suntikan tenaga kepada mereka untuk mencapai matlamat organisasi.

Program kepimpinan yang dianjurkan oleh kolej kediaman bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang asas kepimpinan unggul selain mengasah kemahiran insaniah dalam diri mereka sepanjang mereka berada di kampus. Adalah amat penting untuk mahasiswa diberi pendedahan awal supaya mereka lebih bersedia dan yakin untuk menghadapi cabaran mendatang, memandangkan generasi mudalah yang akan menggalas tugas dan tanggungjawab ini sebelum mereka dipilih menjadi pemimpin utama negara pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, program-program yang berkonsepkan intelektual dengan membuka peluang kepada mahasiswa untuk melontarkan buah fikiran dan membincang dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh generasi muda terutamanya mahasiswa pada masa ini dalam membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh mereka. Bagi mempertingkatkan keberkesanan penyampaian, diperingkat Kolej Kediaman khusus, barisan pimpinan muda ini akan diasuh dan dibimbing oleh Pengetua dan Felo. Oleh itu peranan Pengetua dan Felo adalah sangat signifikan dalam membangunkan kualiti kepemimpinan mahasiswa sebagaimana yang telah digariskan di dalam surat perlantikan mereka. Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengalaman Kolej Kediaman UPM dalam aspek pembangunan kualiti kepemimpinan pelajar. Matlamat yang digariskan dan strategi yang bersesuaian dalam pembangunan kualiti kepemimpinan muda turut dibincangkan.

ASAS KEPIMPINAN

Pemimpin muda di kolej-kolej kediaman merupakan pelajar yang boleh memberi pengaruh kepada pelajar yang lain di dalam komuniti tersebut. Kepimpinan pelajar dikolej mempunyai struktur yang tersendiri yang dikenali sebagai Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pelajar kolej bagi mencapai kecemerlangan yang digariskan. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang di rancang oleh pihak MTM bagi mendorong para pelajar meningkat tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan sahsiah dan akademik.

Kemahiran memimpin merupakan sesuatu yang boleh dipertingkatkan dari masa ke masa. Salah satu fokus kolej kediaman UPM adalah membangun dan memupuk bakat para pemimpin muda.. Seseorang pemimpin perlulah mewujudkan sikap bekerjasama antara pelajar kolej amat ditekankan bagi mencapai kecemerlangan.

PROGRAM UTAMA KEPIMPINAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Umumnya, Kolej Kediaman UPM menjalankan pelbagai program kepimpinan dan setiap satunya adalah unik dan direncana khusus untuk memenuhi sasaran peserta di setiap kolej kediaman. Namun dalam kertas kerja ini hanya membincangkan beberapa program teras kepimpinan di kolej kediaman UPM.

a. Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO)

KPO adalah satu program asas kepimpinan dan bersifat holistik. Program dikhususkan kepada barisan Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) kolej yang baharu dilantik untuk memimpin warga mahasiswa di kolej kediaman. Program ini tunjangi oleh Pengetua, barisan Felo dan mantan MTM, serta penceramah jemputan yang berkualiti dan berpengaruh. Biasanya dijalankan selama 4-6 hari di kampus dan di kem latihan di luar kampus. Ianya berteraskan aktiviti perbincangan intelektual, kerja berkumpulan, kerohanian dan aktiviti fizikal. Contoh pengisian program KPO diberikan dalam seksyen Pengalaman Pelajar KPO diakhir kertas ini.

b. Kursus Pembangunan Sahsiah Mahasiswa (KPSM)

KPSM memberi ruang dan platform kepada para pelajar untuk meningkatkan nilai tambah dalam aspek kemahiran insaniah berkaitan kepemimpinan sepertimana program yang digariskan dalam lampiran 1. Organisasi kepimpinan pelajar di kolej kediaman memberi fokus penting dalam pembentukan sahsiah mahasiswa sebagai pelengkap kepada kecemerlangan dan keunggulan akademik. Komitmen kepada kepentingan ini perlu dijana dan ditunjangi oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman demi merealisasikan hasrat membentuk organisasi kepimpinan pelajar yang gemilang, serta melengkap peranan dan fungsi penubuhannya tanpa membiaskan kepentingan akademik. Kursus ini diharap dapat menjadi pencetus dan pemangkin kepada perubahan diri pelajar dalam usaha melahirkan pemimpin yang bukan sahaja hebat dalam aspek kepimpinannya tetapi juga aspek spiritual, emosi dan sahsiah.

c. Kursus Pementapan Kepemimpinan

Program ini (dinamakan dengan nama berbeza-beza mengikut kolej) merupakan program lanjutan kepemimpinan dengan memberi fokus kepada pementapan nilai jatidiri, intelektual, kerohanian, jasmani dan semangat kesukarelawan. Program ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu menghasilkan graduan berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Selain itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif, menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan

serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.

MATLAMAT DAN IMPAK PROGRAM

Program-program kepemimpinan di kolej-kolej kediaman UPM dirancang dengan beberapa matlamat yang jelas berdasarkan konstruk kepimpinan (lihat Lampiran 2).

- a) Menerangkan kepada peserta tentang aspek kepimpinan yang perlu dalam diri peserta seterusnya melahirkan barisan pelapis pemimpin muda yang seimbang dalam disiplin ilmu, pembangunan minda, spiritual, emosi dan sahsiah. Perkara ini selaras dengan hasrat memupuk dan membangunkan kualiti kepimpinan mahasiswa.
- b) Mengajar peserta untuk berkerjasama secara profesional dalam sesebuah organisasi bagi mencapai sesuatu matlamat yang sama serta memupuk semangat setiakawan dalam kalangan mereka khususnya dalam pelaksanaan sesuatu program.
- c) Meningkatkan ketahanan mental para peserta dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran dan rintangan agar mereka dapat belajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi dengan penuh rasa keyakinan ke arah membentuk pemimpin muda.

Penganjuran program-program kepimpinan pastinya memberi impak yang besar.

- a) Membantu peserta memahami dengan jelas berkenaan sistem pengurusan organisasi.
- b) Melatih peserta berkenaan teknik-teknik berfikir secara kritis dan membuat keputusan secara rasional dan berasaskan fakta yang tepat yang boleh diaplikasikan bila keluar ke alam masyarakat.
- c) Membantu menanamkan ciri-ciri kepimpinan ke dalam jiwa para peserta untuk menjadi pemimpin yang unggul bagi menerajui kepimpinan Negara pada masa hadapan.

STRATEGI PERLAKSANAAN PROGRAM

a. Pemantapan kualiti kepimpinan melalui kursus dan seminar

Modul-modul kepimpinan yang telah digubal dan diterbitkan oleh Pusat Ko-Kurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM wajar diaplikasikan sewaktu pelaksanaan program-program pembangunan kepimpinan muda di kolej. PKPP merupakan sebuah entiti di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berusaha dalam memastikan pembentukan sahsiah pelajar di UPM dalam membantu universiti melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah, berketrampilan, berdaya saing serta seimbang dalam pencapaian akademik dan kokurikulum. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh PKPP banyak memberi penekanan kepada kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan. Asas kemahiran hidup bagi memastikan pemimpin muda mempunyai keseimbangan kerja dan kehidupan. UPM amat menggalakkan pelajar mengamalkan ciri kepimpinan seaktu menyertai pelbagai aktiviti yang dirancang.

b. Libatsama dalam proses perancangan program

Pengetua, pengurusan dan felo kolej kediaman memainkan peranan utama dalam pelaksanaan program-program pembangunan kepimpinan muda. Barisan felo merupakan tunggak utama pelaksanaannya selaras dengan tugas felo yang merangkumi aspek berikut:

Felo menjadi penasihat jawatankuasa kecil peringkat kolej yang bertanggungjawab kepada aktiviti pelajar serta mengadakan perjumpaan bersama Jawatankuasa Kecil sekurang-kurang satu bulan sekali. Felo juga dikehendaki memenuhi 40 jam sebulan “contact hours” bersama pelajar dan perlu mendapatkan pengesahan Pengetua dalam membantu Kolej dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam pembangunan akademik, sahsiah, menjaga keselamatan, kebajikan dan disiplin pelajar. Dari sudut kebajikan felo akan mengambil tindakan yang sewajarnya bila timbul sesuatu kecemasan, kemalangan, kesibukan ataupun apabila seseorang pelajar jatuh sakit. Felo juga bertindak sebagai saluran perhubungan antara staf dan pelajar di kolej untuk mewujudkan sesuatu persefahaman dan barisan felo diberi kepercayaan dalam pelaksanaan program-program yang dirancang oleh pihak kolej

PENGALAMAN PELAJAR PROGRAM KPO

Kem Pemantapan Organisasi (KPO) bagi barisan Majlis Tertinggi Mahasiswa, (MTM) telah berjaya memberi impak yang sangat positif kepada barisan MTM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memantapkan lagi bakat kepimpinan dalam setiap pemimpin. Program ini dapat meningkatkan keyakinan untuk setiap pemimpin untuk berucap di hadapan khalayak ramai, disamping dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Program ini dapat mengeratkan hubungan antara felo dan barisan majlis tertinggi Mahasiswa.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah penerangan berkaitan surat menyurat yang di sampaikan oleh felo kolej kediaman. Antara pengajaran dari sesi tersebut adalah isi kandungan surat yang perlu dititik beratkan adalah nombor rujukan surat dan panggilan penerima surat tersebut. Seterusnya, Bengkel pengurusan mesyuarat dan bengkel penulisan minit mesyuarat turut diadakan. Antara kandungan yang ada dalam menyediakan minit mesyuarat adalah tajuk, tarikh, masa, tempat, kehadiran, agenda, nama yang menyediakan dan menyemak minit mesyuarat.

Proses pembangunan kertas kerja oleh pelajarturut diberi perharian. Antara intipati kertas kerja tersebut, pelajar tidak dibenarkan untuk membuat aktiviti satu bulan sebelum akhir sem. Selain itu, semasa pembentangan, maximum slaid yang disediakan hanya 10 helai yang mengandungi tajuk, latar belakang program, impak program dan hasil pembelajaran serta cadangan perbelanjaan.

Di akhir sesi KPO barisan Majlis Tertinggi Mahasiswa dikehendaki menyelesaikan tugas yang diberikan oleh felo iaitu Program Makan Malam Bersama Pelajar Tahun Akhir. Barisan MTM dikehendaki menyediakan kertas kerja, minit mesyuarat dan surat menyurat.

LAIN-LAIN AKTIVITI KEPIMPINAN

Program Mobiliti dijenamakan sebagai PUTRA MOBILITI dan merupakan program terkini bagi kolej kediaman bagi mengasah bakat kepimpinan pelajar. Ianya memberi fokus kepada mahasiswa dalam konteks pengalaman dan perhubungan antarabangsa, silang-budaya dan juga perkongsian intelektual. Dijalankan sekurang-kurangnya dua minggu di luar negara pastinya memberi ruang dan peluang secukupnya kepada para pemimpin muda mengasah bakat kepimpinan terutama aspek pengurusan sumber manusia, kewangan dan juga pengurusan aktiviti yang dijalankan di sana.. Program Mobiliti juga melatih mahasiswa membuat perancangan program, perhubungan antarabangsa, penajaan pendapatan dan mengerat hubungan sosial antara agama, budaya dan bangsa.

PENUTUP

Negara sedang membangun amat memerlukan ramai pemimpin yang bijak dan berkesan serta mempunyai visi dan misi yang jelas, mudah didampingi dan sanggup mengambil risiko demi kebaikan semua. Pemimpin muda yang jujur dan bertanggung jawab biasanya akan dihormati dan disanjung tinggi. Siri kursus pembangunan kepimpinan yang dianjurkan di kolej-kolej diharapkan dapat membentuk pemimpin mahasiswa yang boleh menjadi 'role-model' kepada mahasiswa yang lain seterusnya membantu komuniti mahasiswa yang berperanan sebagai generasi pewaris bangsa dan mendukung kemajuan negara.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Atory Hussain (1991), Pengurusan Organisasi, Siri Pengurusan Dan Pentadbiran Utusan, Utusan Publications & Distributors
- Alimuddin Mohd Dom (2011). Pentingnya Pemimpin dan Kepimpinan. <http://goo.gl/Vd9Z1w>
- Chee Hwa (2004) Aspek-aspek kepimpinan dan prestasi organisasi-Choi, Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository, Univesiti Teknologi Malaysia
- Fuziah Mat Yakop & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011) A study of reationship between leadership practices and learning organization practices in cluster secondary schools.
- Lakomski, G. (200). Organizational change, leadership and learning: culture as cognitive process. The International Journal of Educational Management 15(2): 68-77.
- Mustafa Haji Daud,(1994) Etika Pengirusan, Siri Pengurusan Dan Pentadbiran Utusan, Utusan Publications & Distributors
- Rahim Abdullah (2001) Asas Pengurusan, Siri Pengurusan Dan Pentadbiran Utusan, Utusan Publications & Distributors
- Roslinda Yusof (2014) Ciri-Ciri Kepimpinan Pelajar Pintar dan Berbakat: Implikasi Ke atas Kepimpinan Remaja Islam, International Journal of Islamic Thought ISSN2232-1314 Vol. 6: (Dec.) 57-70. www.ukm.my/ijit

LAMPIRAN 1

TENTATIF PENGISIAN PROGRAM KURSUS PEMBANGUNAN SAHSIAH MAHASISWA

HARI PERTAMA	HARI KEDUA	HARI KETIGA
Pendaftaran Peserta Taklimat Kursus Ice Breaking & Pembentukan Kumpulan Slot Kerohanian & Tatanegara Majlis Perasmian Dan Ikrar KPSM LDK 1	Slot Kerohanian & Tatanegara Riadah Pagi Modul: Penampilan Berkesan Modul: Kreativiti dalam Komunikasi Modul: Fifth Young Leadership Challenge Riadah Petang Slot Kerohanian & Tatanegara Modul: Strategi Pencarian Dana Yang berkesan LDK 2	Slot Kerohanian & Tatanegara Sarapan Dan Pengurusan Diri Explorace KPSM Slot Kerohanian & Tatanegara LDK3 Night Navigation
HARI KEEMPAT	HARI KELIMA	HARI KEENAM
Slot Kerohanian & Tatanegara Sarapan Dan Pengurusan Diri Aktiviti Outdoor (Flying Fox dan Survival) LDK4 Sukarelawan Siswa Slot Kerohanian & Tatanegara LDK 5 Semangat Yang Hilang (Kunang-kunang)	Slot Kerohanian & Tatanegara Sarapan Dan Pengurusan Diri LDK6 Slot Rumusan Bertolak Pulang ke UPM	Slot Kerohanian & Tatanegara Sarapan Dan Pengurusan Diri Persiapan Malam Penutup KPSM Malam Penutup KPSM

LAMPIRAN 2

Sebahagian dari huraian konstruk kepimpinan (Rorlinda Yusof, 2014)

Efikasi Kepimpinan

Ciri ini mempamerkan keupayaan untuk berjaya mempengaruhi sesuatu keputusan/ hasil kerja seseorang. Individu ini mempunyai kepercayaan dalaman yang kuat bahawa dia boleh mencapai kejayaan dalam tugas yang dijalankan. Kepercayaan dalaman ini dikaitkan dengan tahap keyakinan yang tinggi dari aspek pengetahuan, kemahiran dan kebolehan untuk memimpin.

Tingkah laku Kepimpinan

Individu ini terlibat dalam tiga jenis tingkah laku kepimpinan yang berbeza; (1) kepimpinan sokongan iaitu terlibat dalam membuat orang lain merasa dihargai, (2) kepimpinan yang menekankan kepada kepentingan matlamat iaitu terlibat dalam merangsang tekad untuk mencapai matlamat kumpulan atau prestasi yang sangat baik, (3) penyeliaan iaitu melibatkan diri dalam tingkah laku memudahkan pencapaian matlamat melalui aktiviti-aktiviti seperti penjadualan, menyelaras, merancang dan peruntukan sumber seperti alat-alat, bahan dan pengetahuan teknikal.

Motivasi Kepimpinan

Individu yang mempunyai sifat cenderung untuk mencapai, bercita-cita tinggi, bertenaga, tekun, berdaya usaha, menghayati sifat-sifat yang bermotifkan kuasa sosialisasi dan pengaruh untuk mencapai visi atau matlamat yang diharapkan. Mereka juga menunjukkan keupayaan untuk membangunkan jaringan dan pakatan untuk mendapatkan kerjasama orang lain, menyelesaikan konflik dengan cara yang membina dan untuk mempengaruhi orang lain menerusi contoh dan teladan.

Wawasan

Pemimpin berwawasan sentiasa cuba untuk bergerak ke arah orang lain dalam satu wawasan bersama. Mereka menyatakan dengan jelas hala tuju yang dicapai, namun mereka tidak menentukan bagaimana untuk mencapainya. Ahli yang bermotivasi akan berusaha untuk mencapai hala tuju yang ditetapkan. Individu ini juga akan secara terbuka berkongsi maklumat, yang membawa kepada sikap perkongsian pengetahuan dengan ahli-ahli mereka, juga orang lain. Secara amnya, gaya ini mempunyai kesan yang kuat ke atas persekitaran khususnya persekitaran kerja.

Transformasi

Individu ini mementingkan penghasilan seperti kepuasan, komitmen dan prestasi cemerlang. Sentiasa berusaha untuk mempengaruhi tingkah laku ahli-ahlinya melalui ciri-ciri tingkah laku dan peribadi. Mereka menghormati, yakin dan suka memotivasikan ahli-ahli mereka untuk meningkatkan keberkesanan kumpulan atau organisasi. Mereka mampu mengubah sikap, motivasi, meningkatkan komitmen dan moral ahli kumpulan dengan menggalakkan mereka untuk meletakkan matlamat kumpulan mendahului kepentingan peribadi. Mereka sentiasa berusaha untuk memahami dan menghargai ahli-ahli selain mencari pendekatan baru untuk mengatasi masalah dan menghadapi cabaran. Sikap prihatin dan kemanusiaan yang tinggi membolehkan mereka berjaya mendapat kepercayaan dan kesetiaan ahli-ahli.